# "Saya masih terkilan terhadap Peguam Negara" - Syazlin Mansor

Astro Awani | Oktober 01, 2019 16:00 MYT



Syazlin Mansor meluahkan rasa terkilannya pada Peguam Negara. - Gambar fail

**KUALA LUMPUR**: Peguam Syazlin Mansor yang mewakili waris anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim tetap terkilan terhadap Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas meskipun keputusan inkues Adib berpihak kepada keluarga Allahyarham.

Syazlin meluahkan rasa terkilan itu apabila mengenangkan tuduhan yang telah dilemparkan terhadap beliau termasuk suaminya yang juga Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada ketika itu.

"Terkilan itu masih ada kerana ia bukan tuduhan yang kecil-kecil dan memberi kesan kepada integriti dan kerjaya saya.

"Apa pun keputusan dalam inkues ia tidak akan memberi kesan terhadap apa yang telah dilakukan terhadap saya dan suami," katanya ketika ditemu bual menerusi Facebook Live anjuran Sinar Harian pada Selasa.

Ditanya sama ada beliau berhasrat bertemu dengan Peguam Negara, Syazlin berkata, tiada keperluan untuk beliau berbuat demikian.

Ini kerana, beliau berpendapat, sebagai seorang peguam yang mengendalikan kes jenayah, pertelagahan merupakan perkara biasa.

Kedudukan Syazlin semasa prosiding inkues mencetus spekulasi apabila dianggap mempunyai kepentingan tertentu sebelum mengumumkan untuk menarik diri.

Selain beliau menarik diri daripada mengendalikan kes itu, suaminya juga turut melepaskan jawatan sebagai Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan